

ВАВ
PERTAMA

BAB PERTAMA

LATARBELAKANG DAN KONSEP POLIGAMI.

1.1 Pengenalan.

Poligami sering menjadi isu yang kontroversi semenjak berzaman lagi. Suara-suara memprotes dan tidak kurang pula yang menyokong saling berdebat untuk menegakkan hak masing-masing sehingga ada yang terlupa akan hukum hakamnya apabila menerima atau menolak peruntukan Islam yang berhubung dengan poligami itu. Selain itu kebanyakannya mereka yang memperkatakan tentang masalah poligami terutamanya para orientalis dan sekularis sering menuing jari terhadap Islam yang dianggapnya pelopor kepada amalan ini.

Justeru itu sebagai permulaannya penulis cuba menerangkan latarbelakang dan konsep poligami yang telah wujud sebelum kedatangan Islam. Kemudian akan diterangkan definisi poligami diikuti dengan dalil-dalil pensyiaratan poligami, syarat-syaratnya, sebab-sebab pengharusan poligami dalam Islam dan diakhiri dengan hikmah di sebalik pengharusan ini.

1.2 Latarbelakang Poligami

Tidak dinafikan amalan poligami ini sudah dikenal pasti kewujudannya semenjak zaman dahulu lagi tetapi terhad kepada golongan tertentu. Hari ini amalan poligami ini dilihat sudah berleluasa dan dipraktikkan di kebanyakan negara di dunia.

Dalam buku *The Encyclopedia Americana* menyatakan pada zaman dahulu, seorang lelaki itu berpoligami kerana mempunyai tujuan-tujuan tertentu. Isteri-isteri mereka bukan sahaja digunakan untuk membantu mencari nafkah dan menyara mereka malah sesbuah keluarga itu dianggap berharta kerana mempunyai isteri yang ramai. Ini jelas menunjukkan bahawa fungsi utama pengamalan poligami ini adalah untuk menolong menambahkan harta keluarga dan semata-mata untuk kepentingan sosial.

Amalan poligami ini sudah berkembang sejak lama dahulu dan ia diamalkan di kalangan masyarakat Egypt, Hebrew, di negara-negara Arab dan Ireland. Di Amerika Syarikat, pada kurun ke-19, amalan poligami sudah diterima dan diamalkan dikalangan masyarakat Mormon semenjak tahun 1843 sehingga tahun 1890, Gereja Mormon telah mengeluarkan arahan untuk menyekat amalan ini²⁵.

Dalam membicarakan hal ini, Dr. Amran Kasimin telah memetik pendapat Dr. Muṣṭafā al-Šibā'ī yang menyatakan bahawa poligami sudah wujud hampir di seluruh kalangan bangsa yang hidup pada zaman purba. Di kalangan bangsa Yunani, di zaman kejayaan Athena, di kalangan bangsa China, India, kerajaan Babylonia dan kerajaan Assyria poligami diamalkan tanpa batasan²⁶. Bangsa Mesir purba, di zaman pemerintahan Deodor Sesle juga mengamalkan poligami. Sementara itu, orang-orang Parsi di bawah ajaran Zaradisyt juga menggalakkan orang-orang mereka berpoligami dan mengambil gundik serta perempuan

²⁵ *The Encyclopedia Americana* (1991). Danbury: Grolier Incorporated, h. 365.

²⁶ Amran bin Kasimin (1990), *op.cit.*, h. 16.

simpanan dengan alasan rakyat yang berperang sentiasa memerlukan wanita muda²⁷. Malah sistem poligami ini juga telah diamalkan oleh para Nabi terdahulu seperti Nabi Ibrahim, Ismail, Nuh, Ishaq, Daud, Sulayman yang jaraknya beratus-ratus tahun sebelum kedatangan Islam.

:

Pada zaman silam, peperangan yang berlaku antara kabilah-kabilah menyebabkan ramai kaum lelaki yang terkorban. Kekurangan ini menimbulkan suatu sikap masyarakat menggalakkan kahwin banyak untuk mengimbangkan anggota kabilah. Amalan ini diterima baik oleh kaum wanita demi untuk menolong antara satu sama lain²⁸.

Pada peringkat permulaan, kebanyakan agama sebelum Islam seperti Yahudi dan Nasrani tiada menyatakan tentang pengharaman poligami. Dalam kitab Bible misalnya poligami dibenarkan kerana tiada ayat yang jelas tentang pengharamannya²⁹.

Beginu juga bagi agama Hindu, kebenaran untuk berpoligami diterangkan dalam kitab Vedic. Seorang lelaki dibenarkan berkahwin dengan beberapa orang wanita yang disukai bergantung kepada latarbelakangnya dalam masyarakat³⁰. Justeru itu amalan poligami ini berkembang biak di kalangan masyarakat India pada peringkat permulaan. Ini telah dibuktikan oleh seorang pelayar terkenal,

²⁷ Ahmad Muhammad al-Hufi (1984), *Kenapa Nabi Muhammad Berpoligami*. Ibrahim Awang (terj.). Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu Raya Sdn Bhd., h.15.

²⁸ Dusuki bin Haji Ahmad (1978), *Poligami Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia, h. 2.

²⁹ R.J.Zwi Werblowsky (1967), *The Encyclopedia Of The Jewish Religion*. Jerusalem: Massada Press Ltd., h. 305.

³⁰ Fida Hussain Malik (1982), *Wives Of The Prophet*. T.T.P.: Taj Company, h. 63.

Marco Polo yang menyatakan bahawa Raja Ma'bar memiliki 500 orang isteri manakala Raja Cail memiliki 300 orang isteri. Kedua-dua buah jajahan ini adaklah terletak dibawah Kerajaan Pandya³¹

Justeru itu, amatlah aneh apabila kebanyakan orientalis barat pada zaman kurun pertengahan, dengan tanpa usul periksa atau sememangnya jahil telah memfitnah bahawa poligami adalah satu amalan yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w.

Kedatangan syiar Islam di bawah pimpinan nabi akhir zaman, Nabi Muhammad s.a.w. adalah sebagai panduan dalam menjalani kehidupan yang bertamadun. Islam berperanan mengatur kembali undang-undang poligami menurut keperluan dan meletakkan hukumnya dengan jelas supaya mudah dituruti tanpa berlaku sebarang penganiayaan . Jelas sekali bahawa Islam bukanlah agama yang terawal mengharuskan poligami tetapi sebagai perintis kepada undang-undang terbatas.

Amalan poligami ini sebenarnya telah disebut dalam kitab-kitab yang terdahulu sebelum kedatangan Islam. Pada peringkat awal, agama-agama Samawi khususnya tidak mengharamkan poligami namun setelah beberapa zaman berlalu, telah banyak berlaku perubahan yang mana masyarakat telah mengikut amalan tradisi nenek moyang mereka. Sehingga sampai kepada satu peringkat mereka

³¹K.M.Munshi (1957), *The Struggle For Empire*. Bombay: Bharatiya Vidya Bhavan, h. 480.

menyalahkan Islam yang membenarkan poligami kerana pada pandangan mereka amalan sebegini sebagai satu kezaliman terhadap wanita.

Dalam agama Yahudi tidak disebut pengharaman terhadap poligami. Malah nabi-nabi yang nama mereka disebut dalam kitab Taurat semuanya mengamalkan poligami tanpa membatasi jumlah wanita yang dikahwininya. Terdapat riwayat yang mengatakan bahawa kedua-dua nabi yang diutuskan kepada umat Yahudi, iaitu Nabi Allah Daud a.s mempunyai 99 orang isteri dan Nabi Allah Sulayman a.s mempunyai 700 orang isteri yang merdeka dan 300 orang isteri yang berasal dari hamba³².

Dalam buku karangan Muḥammad ‘Aṭīyyah al-Ibrāsī menyebutkan bahawa amalan berpoligami ini telah berleluasa sebelum kedatangan Nabi Musa lagi dan amalan ini berterusan ketika Nabi Musa a.s diutuskan kepada Bani Israel di mana tidak ditetapkan had atau jumlah bilangan isteri yang dikahwini. Nabi Musa a.s juga telah berkahwin lebih daripada seorang isteri³³.

Walaupun kitab Taurat pada asalnya tidak mengharamkan poligami namun terdapat dua golongan daripada agama Yahudi yang berselisih pendapat. Mereka dikenali sebagai *al-Rabbāniyyūn* iaitu golongan yang berpegang kepada kitab Talmud dan kitab Taurat manakala *al-Qurrā’iyūn* yang hanya berpegang kepada kitab Taurat sahaja sebagai hujah. Golongan *Rabbāniyyūn* berpendapat lelaki tidak

³²Musfir al-Jahrani (1999), *Mengapa Rasulullah Beristeri Ramai*. Kuala Lumpur: Penerbitan Darul Iman, h. 42.

³³Muhammad ‘Aṭīyyah al-Ibrāsī (1980), *op.cit.*, h. 82-83.

sepautnya memiliki lebih daripada seorang isteri walaupun ia tidak ditegah dalam kitab Taurat. Namun golongan *Qurrā' iyyūn* pula berpendapat poligami diharuskan dengan syarat ia tidak menimbulkan kemudaratannya kepada isteri pertama atau kepada isteri yang baru dikahwin iaitu suami boleh berlaku adil. Golongan ini juga menolak pandangan sebahagian ulama Yahudi untuk menghadkan bilangan isteri kerana bagi mereka agama yang dianuti oleh Bani Israel mengharuskan lelaki mengahwini perempuan tanpa dihadkan jumlahnya³⁴.

Dengan demikian, jelaslah bahawa secara umumnya poligami ini telah diamalkan sebelum kedatangan Islam malah perlaksanaannya tidak terbatas kerana tiadanya undang-undang yang khusus untuk berpoligami.

Begitu juga bagi penganut agama Nasrani, tiada satu ayat pun dalam kitab Injil yang secara tegas melarang poligami. Apa yang pasti, hanyalah terdapat ayat sebagai galakan untuk bermonogami iaitu sebagaimana dinyatakan Allah mencipta seorang isteri untuk seorang lelaki sedangkan penegasan tentang pengharaman poligami tidak dapat dikenal pasti³⁵. Justeru itu, pada peringkat permulaannya penganut agama Nasrani tidak mengharamkan poligami.

Tercatat dalam sejarah agama Nasrani bahawa ketua-ketua gereja mereka mempunyai banyak isteri. Seorang sarjana sosiologi Inggeris, Wester Mark menyatakan poligami pernah diakui oleh gereja sehingga abad ke-17. Tetapi pada

³⁴ Al-Ibrāsī (1980), *op.cit.*, h. 83-84.

³⁵ Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid (1993), *Kursus Perkahwinan Dan Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dasar Padu (M) Sdn. Bhd., h. 69.

masa permulaannya, poligami dibolehkan dalam keadaan-keadaan dan tempat-tempat tertentu.

Selain daripada itu, pada abad-abad pertengahan, bangsa Meroving juga mengamalkan poligami. Seorang pembesar Nasrani, Charlemagne juga berpoligami³⁶. King Philip dan Frederick Wilhelm telah mengesahkan undang-undang poligami di negerinya dan mereka juga mengamalkan poligami kerana bersesuaian dengan ajaran Martin Luther yang menegaskan bahawa poligami adalah perintah Tuhan. Bagi mereka, Nabi Allah Ibrahim a.s adalah contoh yang paling ideal dalam pengamalan poligami. Justeru itu, mereka tidak mengharamkan poligami sehingga dalam tahun 1531, pembesar-pembesar Nasrani di Mounster telah menyarankan supaya penduduk Nasrani dibolehkan berpoligami. Selain daripada itu, kaum Mormon yang juga pengikut agama Nasrani terkenal di Amerika Syarikat kerana mereka mengamalkan poligami sehingga dibenarkan seorang lelaki mempunyai sepuluh orang isteri atau lebih. Menurut mereka, poligami adalah peraturan perkahwinan yang suci dan kudus daripada ketetapan Ilahi³⁷.

Namun demikian menurut George Zaidan, seorang sasterawan Nasrani Lubnan, larangan terhadap poligami bagi pengikut agama Nasrani mula diputuskan di Romawi. Pemuka-pemuka Nasrani telah mula memesong dan memutarbelitkan ayat-ayat dalam kitab Injil mengenai urusan perkahwinan³⁸.

³⁶ Amran bin Kasimin (1990), *op.cit.*, h. 17.

³⁷ Mustaffa Suhaimi (1992), *Hikmah Poligami*. Selangor: Progressive Products Supply, h. 4.

³⁸ *Ibid.*, h. 6.

Pada abad-abad kebelakangan, orang-orang Kristian di Eropah mula terikut-ikut dengan kebiasaan nenek moyang mereka iaitu berkahwin secara monogami dan melarang amalan berpoligami. Ekoran daripada itu, setelah diamalkan turun temurun, maka mereka mula menghukumkan haram berpoligami³⁹. Jika diperincikan ia nyata berlawanan dengan ayat-ayat Injil yang tiada menyatakan penegasan terhadap pengharaman poligami.

Jelas sekali monogami yang diamalkan hari ini bukanlah satu peraturan agama Kristian tetapi ia adalah adat dan peraturan yang mereka warisi daripada nenek moyang mereka. Walaupun pengikut agama Kristian mengecam dan mengharamkan poligami namun pada realiti pengamalannya masih berleluasa tetapi berselindung disebalik istilah lain dan malangnya ia diamalkan tanpa ikatan yang sah.

Begitu juga halnya pada zaman jahiliyyah atau disebut *pre-Islamic* iaitu suatu zaman di mana masyarakatnya hidup dalam keadaan jahil dan kebanyakan amalan mereka bercanggah dengan ajaran Islam. Pada hakikatnya, masyarakat pada zaman jahiliyyah sudah lama mempraktikkan poligami sebelum kedatangan ajaran Islam. Amalan ini bukanlah sahaja terkenal di kalangan masyarakat Arab tetapi juga telah dipraktikkan oleh kebanyakan masyarakat dunia.

Sebelum Islam, orang-orang Arab jahiliyyah telah mengamalkan perkahwinan mengikut sesuka hati tanpa undang-undang terbatas. Wanita-wanita

³⁹Muhammad al-Mansur (1998), *Hukum Hakam Perkahwinan*. Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa, h. 117.

tidak diiktiraf kedudukannya malah hanya dianggap sebagai masyarakat kelas kedua atau sebagai barang yang boleh dijual-beli⁴⁰. Mereka telah mengambil kesempatan terhadap kelemahan pihak perempuan.

Dusuki Haji Ahmad dalam buku karangannya telah memetik kata-kata Socrates mengenai wanita⁴¹:

“Wanita adalah sumber kekacauan dan ledakan yang paling besar di dunia. Dia seperti pohon dafali . Dari luar kelihatan sangat indah, tetapi sekiranya dimakan burung, burung itu mesti mati”.

Jelaslah anggapan mereka bahawa wanita sebagai makhluk yang hina dan boleh merosakkan kehidupan lain. Justeru itu, wanita pada zaman jahiliyyah tidak mempunyai hak keistimewaan. Masyarakat sebelum Islam begitu menyanjungi lelaki dan keunggulan seseorang lelaki itu diukur dengan kemampuan mereka untuk beristeri ramai. Perempuan dijadikan alat untuk mencari rezeki dan menyara kehidupan mereka⁴².

Antara jenis-jenis perkahwinan yang biasa diamalkan oleh masyarakat jahiliyyah adalah seperti pernikahan yang dikenali sebagai *al-badal* iaitu seorang suami saling menukarkan isterinya dengan isteri kepada lelaki lain dan pernikahan *mut'ah* (kahwin sementara). Selain daripada itu, seperti yang telah disebut di dalam satu riwayat bahawa Aisyah telah menceritakan empat jenis perkahwinan yang berlaku di tanah Arab pada masa itu. Pertamanya perkahwinan kebiasaan

⁴⁰Asiah Ali (1993), *Muslimat Pencorak Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, h. 97.

⁴¹Dusuki Haji Ahmad (1978), *op.cit.*, h. 4.

⁴²Amran bin Kasimin (1990), *op.cit.*, h. 17.

masyarakat hari ini iaitu seorang lelaki mengahwini seorang wanita dan anak hasil daripada perkahwinan itu dinasabkan kepada bapanya.

Jenis yang kedua ialah perlakuan suami yang menyerahkan isterinya kepada lelaki lain supaya isterinya hamil hasil daripada perhubungan dengan lelaki kedua itu. Sesudah itu diambil semula isterinya menurut kemahuannya. Pernikahan itu dikenali sebagai pernikahan *al-istibdā'*.

Perkahwinan yang ketiga ialah adat suami membenarkan isterinya melakukan hubungan seks dengan sekumpulan lelaki yang kurang daripada sepuluh orang sehingga wanita itu hamil dan melahirkan anak. Anak itu akan dinasabkan kepada salah seorang daripada lelaki itu mengikut kecenderungannya dan lelaki itu tidak boleh menolaknya.

Terakhir sekali ialah wanita pelacur yang menerima sebarang lelaki untuk ditidurinya. Setelah anak dilahirkan hasil daripada perhubungan rambang itu, seorang ahli nujum akan menyebut nama salah seorang daripada lelaki itu untuk dinasabkan anak padanya tanpa sebarang penolakan⁴³.

Ternyata perkahwinan-perkahwinan yang diamalkan oleh Arab jahiliyyah itu sememangnya menghina kedudukan kaum wanita. Mereka tiada lain hanyalah

⁴³Sayyid Sâbiq (1985), *op.cit.*, h. 8-9.

sebagai alat untuk memuaskan nafsu atau sebagai barang perantaraan untuk mendapatkan zuriat walau dengan apa cara sekalipun.

Di kalangan Arab jahiliyyah, mereka beranggapan lelaki berhak melakukan apa sahaja sehingga mereka dibolehkan menikahi sejumlah wanita tanpa batasan mahupun syarat. Amalan poligami ini telah berleluasa dan diamalkan disetiap lapisan masyarakat. Dalam Sunan al-Tirmidhi disebutkan, Ghaylān b. Salāmah al-Thaqafī ketika memeluk Islam memiliki sepuluh orang isteri, Nawfal b. Mu'āwiyyah memiliki lima orang isteri dan Thābit b. Qays memiliki lapan orang isteri. Namun mereka akhirnya diarahkan untuk memilih empat orang isteri sahaja⁴⁴.

Begitulah keadaannya kehidupan masyarakat jahiliyyah. Perlulah ditegaskan bahawa amalan berpoligami ini telah pun dipraktikkan setiap lapisan masyarakat samada yang berperadaban tinggi ataupun mundur. Ternyata amalan yang tiada batasan ini telah mengakibatkan kesukaran dalam menjalani kehidupan dan pastinya wanita menjadi mangsa kezaliman. Kedatangan syiar Islam adalah bertujuan untuk mendisiplinkan umat manusia dan bermotifkan keadilan. Antara lainnya Islam telah membataskan amalan berpoligami iaitu hanya membenarkan

⁴⁴Abū 'Isa Muḥammad bin 'Īsa bin Sūrah al-Tirmidhī, (t.t), *Sunan al-Tirmidhī*, Kitab al-Nikāḥ, Bāb Mā Jā' Fī al-Rojūli Yuslimu wa 'Indahu 'Asyru Niswah, no. hadith 138.; Musfir al-Jahrani (1999), *op.cit.*, h. 41-42.

lelaki beristeri empat orang sahaja tetapi kebenaran ini adalah keharusan bersyarat agar timbulnya keadilan antara mereka. Justeru itu, perutusan Nabi Muhammad s.a.w. adalah untuk perbetulkan kepincangan umat manusia dan sekaligus telah mengangkat martabat wanita sebagai makhluk yang sama dijadikan oleh Allah.

¶

1.3 Pengertian Poligami

Istilah poligami ini secara umumnya didefinisikan sebagai suatu bentuk perkahwinan yang membenorangkan seseorang itu memiliki lebih daripada satu pasangan dalam satu masa⁴⁵.

Pengistilahannya merangkumi kedua-dua jenis perkahwinan samada poliandri, iaitu seorang perempuan berkahwin dengan lebih daripada seorang lelaki atau poligini yang pada kebiasaannya seorang lelaki mengahwini lebih daripada seorang isteri⁴⁶. Walau bagaimanapun, istilah poligami yang biasa difahami dan digunakan di kalangan masyarakat hari ini adalah sinonim dengan maksud poligini, iaitu seorang suami yang mempunyai lebih daripada seorang isteri⁴⁷. Begitu juga menurut perspektif Islam, poligami atau dalam istilah fekah disebut *ta'addud al-zawjāt* membawa maksud yang sama iaitu seorang suami berkahwin lebih dari seorang perempuan⁴⁸ dan ia sudah diiktiraf serta digunakan secara meluas.

⁴⁵ *The New Encyclopedia Britannica* (1995), Ed. 15, Vol. 9. North America: Encyclopedia Britannica Inc, h. 579.

⁴⁶ Muhammad Abdul Rauf (1989), *Marriage In Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara , h. 62.

⁴⁷ *The New Encyclopedia Britannica* (1995), *op.cit.*, h. 579.

⁴⁸ Mustafa Haji Daud (1992), *Institusi Kekeluargaan Islam*, c. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 104; Mohd Rushdi Yusof (1993), *Perkahwinan dan Kekeluargaan Menurut Perspektif Islam*. Sumatera: Penerbitan Insan Dijaya, h. 118.

1.4 Pensyariatan Poligami dalam Islam

Walaupun poligami yang diamalkan sebelumnya banyak menimbulkan kezaliman terutama kepada pihak perempuan, namun Islam tidak mengharamkan poligami sekaligus kerana disebalik ketentuan Allah itu pasti ada kemaslahatan. Begitu juga Islam tidak hanya membiarkan amalan sebegini berleluasa tetapi pengharusan poligami yang dianjurkan oleh Islam itu mestilah berpaksikan pada satu peraturan dan bersyarat agar ia tidak disalahgunakan sewenang-wenangnya.

Dalam hal ini Dr. Harun Din menjelaskan pengharusan poligami dalam Islam itu bukanlah sesuatu yang dianggap *bid'ah* kerana pencegahan amalan ini akan membawa kemudarat dan berlawanan dengan fitrah semulajadi manusia. Islam bukanlah agama yang mudarat dan memudaratkan yang lain bahkan dari segi kemasyarakatan, poligami ini adalah lebih baik daripada mengharamkannya⁴⁹.

Kedatangan Islam yang berusaha untuk mengawal dan menyusun kembali peraturan poligami itu sememangnya lengkap dan menjamin keadilan dalam rumahtangga seandainya dipraktikkan berlandaskan dalil-dalil yang disyariatkan. Pensyariatan poligami adalah bersumberkan kepada dalil-dalil berikut:

a) Dalil Daripada al-Quran

Al-Quran sebagai kitab suci yang terakhir diturunkan adalah sebagai panduan dan pedoman untuk kesejahteraan kehidupan di dunia dan akhirat. Dasar hukum pengharusan poligami yang diamalkan oleh sebahagian umat Islam adalah

⁴⁹Harun Din (1985), *Al-Nafaqah wa al-Siyqāq wa Ta'addud al-Zawjāt wa Kayfa 'Ālajahā al-Islām*. Kuala Lumpur: T.P., h. 121.

bersandarkan kepada pemahaman terhadap nas-nas al-Quran ini. Antara ayat-ayat utama yang membincangkan tentang peraturan poligami sebagaimana firman Allah:

وَإِنْ حِفْتُمْ أَلَا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَإِنْ كِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ

مُثْنَىٰ وَثَلَاثَ وَرَبِاعَ فَإِنْ حِفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ

أَيْمَانُكُمْ ذَلِكَ أَذْنِي أَلَا تَعْلُوْ

Surah al-Nisa' (4): 3.

Maksudnya: "Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman."

Terjemahan Surah al-Nisa' (4): 3.

Ayat ini adalah sebagai peringatan kepada wali atau penjaga anak-anak yatim agar tidak melakukan penganiayaan terhadap mereka yang di bawah jagaannya. Seterusnya ia memperjelaskan tentang jalan yang seharusnya diambil oleh mereka agar tidak timbulnya penganiayaan terhadap anak-anak yatim di bawah penjagaan mereka ini.

Sebagaimana yang diriwayatkan oleh 'Urwah b. Zubir, beliau telah bertanya Saidatina Aisyah tentang sebab penurunan ayat ini. Aisyah memberitahu bahawa anak-anak yatim ini telah dipelihara oleh penjaga-penjaga yang mana mereka berhasrat untuk menguasai harta pusaka yang diwarisi oleh anak yatim ini.

Disebabkan oleh harta dan kecantikan mereka, penjaga-penjaga ini berminat untuk mengahwini mereka tanpa melakukan keadilan terhadap hak-hak mereka. Kemudian Allah telah menegah perbuatan menganiaya anak yatim ini dan memberi kebenaran kepada mereka untuk mengahwini perempuan selain daripada anak yatim itu samada dua, tiga atau empat⁵⁰.

Kebenaran untuk mengahwini perempuan yang lain itu sebenarnya adalah bertujuan agar para penjaga itu dapat berlaku adil terhadap isteri-isteri mereka dengan memberikan hak-hak yang sepatutnya diterima oleh seorang isteri melalui perkahwinan. Nasihat ini seterusnya disokong oleh firman Allah :

وَسَتَقْتُلُنَّكُمْ فِي النِّسَاءِ قُلِ اللَّهُ يُغْنِي كُمْ فِيهِنَّ وَمَا يُنَلِّي عَلَيْكُمْ فِي

الْكِتَابِ فِي يَتَامَى النِّسَاءِ الْلَّاتِي لَا يُؤْمِنُهُنَّ مَا كُتِبَ لَهُنَّ وَأَنْتُمْ بَغْيَوْنَ

أَنْ تَكُحُوهُنَّ وَالْمُسْتَضْعِفَيْنَ مِنَ الْوِلَادَاتِ وَأَنْ تَقُومُ مُوَالِيَةَ كَانَ

بِالْقِسْطِ وَمَا تَعْلَمُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِهِ عَلِيمًا

Surah al-Nisa' (4): 127.

Maksudnya: "Dan mereka meminta fatwa kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hak dan kewajipan) kaum perempuan. Katakanlah olehmu: "Allah akan memberi keterangan (fatwa) kepada kamu mengenai mereka dan juga (ada difatwakan dalam) apa yang selalu dibacakan kepada kamu dalam kitab (Al-Quran) ini mengenai perempuan-perempuan yatim yang kamu tidak memberi kepadanya apa yang telah ditetapkan menjadi hak mereka, dan yang kamu suka berkahwin dengan mereka; dan juga mengenai anak-anak yang lemah (yang masih kecil lagi). Dan (kamu juga diwajibkan)

⁵⁰Abū Abd. Allah Muḥammad b. Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī (1937), *op.cit.*, j. 5. h. 11; Sayyid Quṭb (1994), *Fī Zilāl al-Qur'ān*, Jil. 1. Beirut: Dār al-Syūrūq, h. 577.

supaya menguruskan (hak dan keperluan) anak-anak yatim dengan adil. Dan (ingatlah) apa jua kebaikan yang kamu lakukan (kepada mereka), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya”.

Terjemahan Surah al-Nisa' (4): 127.

Saidatina Aisyah menerangkan ayat (وَمَا يُنْهِي عَنِّيْكُمْ) itu bermaksud apa-apa

yang telah diterangkan di awal surah iaitu tentang anak-anak yatim yang hendak dinikahi oleh wali mereka kerana semata-mata cintakan harta dan kecantikan mereka sahaja tanpa keadilan dalam pemberian mas kahwin dan hak-hak yang sepatutnya diterima⁵¹.

Dalam menafsirkan ayat ini, sebahagian ahli tafsir seperti Ḥadrat ‘Abbās mendakwa, ayat ini diturunkan adalah untuk menghapuskan ketidakadilan yang berleluasa terhadap wanita pada zaman sebelum Islam. Mereka mengahwini wanita-wanita dengan tanpa had bilangannya malah sesetengahnya mempunyai dua belas orang isteri . Apabila mereka tidak mampu menyara isteri-isteri yang ramai itu, mereka terpaksa mencari harta anak-anak saudara mereka yang yatim atau melalui saudara mara yang lemah. Disebabkan itu Allah menghadkan bilangan isteri sehingga empat orang sahaja⁵².

Di sini jelas menunjukkan kaitan antara sebab penurunan ayat 3 dan ayat 127 daripada surah al-Nisa'. Allah menganjurkan agar berbuat baik terhadap anak-anak yatim dan kaum yang lemah. Untuk mengelakkan kezaliman, diharuskan untuk mengahwini perempuan yang lain selain daripada anak yatim samada janda

⁵¹ Abū Ja'afar Muḥammad b. Ḥasan al-Ṭūṣī (t.t.), *op.cit.*, Jil. 3 h. 344.

⁵² Afzalur Rahman (1993), *Ensiklopedia Sirah*. Norhayati Mohd. Nor (terj.), Jil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 162.

atau dara dan dihadkan bilangan sehingga empat orang sahaja agar mereka dapat berlaku adil antara sesama isteri mereka.

Jika dilihat daripada sebab penurunan ayat 3 surah al-Nisa' tadi, ia menunjukkan pengharusan poligami bukanlah tujuan asal dari ayat-ayat tersebut. Alasannya, ayat ini pada awalnya dimulai dengan menyebut masalah anak yatim kemudiannya dilanjutkan lagi peringatan sekiranya mereka takut akan tidak berlaku adil terhadap anak-anak yatim itu, Allah memberikan satu jalan keluar yang baik iaitu mengahwini wanita-wanita yang lain dua, tiga atau empat. Sekiranya poligami adalah tujuan asal ayat ini sudah tentu diperjelaskan dan diringkaskan keterangannya tanpa bersangkut paut pada keadaan-keadaan yang boleh menimbulkan kekeliruan⁵³.

Daripada keterangan tadi ternyata bahawa poligami yang dianjurkan oleh Islam itu adalah sebagai satu cara atau jalan keluar yang harus dilakukan untuk mengatasi jalan buntu apabila tiada penyelesaian lagi. Islam sama sekali tidak menggesa, mewajibkan ataupun tidak menggalakkan umatnya berpoligami. Normalnya, seorang suami adalah untuk seorang isteri kerana ini adalah paling bersesuaian dengan tabiat semulajadi manusia.

Dalam memperjelaskan lagi ayat tadi, Mahmud Syaltut mengatakan bahawa Islam tidak sesekali menyempitkan urusan perkahwinan sehingga berlakunya ketidakadilan terutama kepada anak-anak yatim. Disebabkan itu Islam telah mengharuskan untuk berkahwin dengan perempuan-perempuan yang lain tetapi

⁵³ Abdul Nasir Taufiq Al 'Athar (1976), *Poligami Di Tinjau Dari Segi Agama, Sosial Dan Perundang Undangan*. Chadijah Nasution (terj.). Jakarta: Bulan Bintang, h. 106.

terhad kepada empat orang sahaja. Tambahnya, ayat ini adalah sebagai sandaran hukum disyariatkan poligami tetapi pensyariatan ini bukanlah maksud asal ayat, bahkan ia sekadar untuk menyatakan penyelesaian yang seharusnya diambil untuk mengelakkan daripada berlakunya ketidakadilan terhadap golongan yang lemah. Kebanyakan para pentafsir mengatakan bahawa ayat ini juga melarang daripada berkahwin ramai dengan perempuan-perempuan yang lain sekiranya lelaki tidak mampu menuaikan tanggungjawabnya kerana perempuan itu juga lemah dan dhaif sebagaimana anak-anak yatim⁵⁴. -

Apabila diperhatikan, di sinilah terbuktinya kesyumulan ajaran Islam. Pensyariatannya sentiasa menitikberatkan kepentingan umat sangat sejagat lebih-lebih lagi untuk memperjuangkan hak orang-orang yang lemah. Perkahwinan tanpa batasan sebagaimana adat kebiasaan Arab jahiliyyah itu ternyata menimbulkan kemudarat dan penganiayaan terhadap wanita-wanita. Begitu juga dengan sikap tamak haloba terhadap harta anak-anak yatim itu mengundang kezaliman kepada kaum yang lemah. Di sinilah terletaknya kejahilan umat sebelum Islam sehingga diutuskan Rasulullah s.a.w. sebagai penyelamat kepada kepincangan-kepincangan dengan berbekalkan ajaran al-Quran sebagai panduan.

Walaupun Islam mengharuskan poligami dengan menghadkannya sehingga empat isteri, namun dalam ayat yang sama juga menjelaskan sekiranya pihak suami bimbang tidak berlaku adil, maka mereka dianjurkan untuk mengahwini

⁵⁴ Abū al-Hasan 'Alī b. Ahmad al-Wāhidī al-Naysābūrī (1994), *Al-Wasīt fī Tafsīr al-Qur'ān al-Majid*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 8; Maḥmūd Syaltūt (t.t.), *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*, j. 10, c. 2. Kaherah: Dār al-Qalam, h. 189.

seorang sahaja. Sebagaimana firman Allah:

فَإِنْ حَقُّتُمْ أَلَا تَعْدُلُوا فَوَاحِدَةً

Surah al-Nisa' (4): 3.

Maksudnya: "Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja."

Terjemahan Surah al-Nisa' (4): 3

Oleh yang demikian ia sebagai amaran kepada sesiapa yang berhasrat untuk berkahwin lebih daripada seorang isteri tetapi khuatir terhadap kemampuannya untuk berlaku adil, memadailah untuknya seorang isteri sahaja. Ini adalah penting untuk mengelakkan kemurkaan Allah terhadap mereka yang menyalahgunakan kebenaran yang diberikan sebelumnya.

Perlu diperjelaskan, walaupun al-Quran telah memberi pengiktirafan untuk berpoligami, ia bukanlah sebagai satu peraturan yang mesti dilakukan oleh semua orang yang berkemampuan, tetapi hanyalah sebagai pengecualian bersyarat terhadap golongan tertentu. Tidak hairanlah di negara-negara Islam, walaupun peraturan poligami ini diluluskan, majoritinya masih memilih untuk bermonogami.⁵⁵ Ini mungkin kerana mereka mempunyai pendedahan yang sebenar tentang poligami yang diharuskan oleh Islam itu.

⁵⁵S.G.F Brandon (1970), *A Dictionary of Comparative Religion*. London: Weidenfeld & Nicolson, h. 505.

Walau bagaimanapun, dalam membincangkan maksud perkataan (فانكحُوا)

sebagaimana yang terdapat dalam surah al-Nisa' ayat 3, telah timbul satu persoalan iaitu adakah perintah AlJah (menikahkan kamu) ini secara tegas menunjukkan wajib atau bermaksud mengajari, tuntutan dan sebagainya?. Sekiranya perintah ini bermaksud wajib dilaksanakan, maka wajiblah ke atas mereka yang ditujukan perintah ini melakukannya menurut maksud asalnya melainkan terdapat alasan yang boleh memalingkan maksudnya dari pengertian yang asli. Dalam hal ini Wahbah al-Zuhayliy telah menafsirkan suruhan ini kepada sesuatu yang diharuskan sebagaimana penggunaannya dalam firman Allah :

وَكُلُّوا وَاشْرِبُوا

Surah al-Baqarah (2): 187.

Maksudnya: "Dan makanlah serta minumlah"

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 187.

Justeru, perintah ini bukanlah menunjukkan hukum wajib asal untuk menikahi mereka⁵⁶. Ia adalah sekadar memberi pengajaran, tuntutan dan pemberitahuan. Alasan untuk menguatkan lagi pandangan ini adalah sekiranya Allah mewajibkannya, maka mengapakah mereka diberi kelonggaran untuk membuat pilihan perempuan-perempuan lain dua, tiga atau empat. Kemudian disyaratkan pula memilih seorang isteri sahaja sebagaimana asal sekiranya khuatir tidak dapat berlaku adil. Andainya ia berbentuk suatu perkara yang tegas diwajibkan tentulah di dalamnya tidak diberikan pilihan. Tambahan pula, semasa

⁵⁶Wahbah al-Zuhayliy (1991), *Al-Tafsîr al-Munîr*, j. 3. Beirut: Dâr al-Fikr al-Mu'âşir, h. 234.

penurunan ayat itu, poligami sudah pun diperaktikkan dan Islam mengharuskannya berserta dengan perintah untuk membataskan bilangannya dan bukanlah sebagai perintah untuk mewajibkan perlaksanaan poligami⁵⁷.

Poligami yang diharuskan oleh Islam itu bersifat fleksibel. Kemampuan dalam melayani tanggungjawab untuk berpoligami bukanlah satu perintah untuk mewajibkan mereka berpoligami tetapi sekadar diharuskan sahaja. Amatlah salah tanggapan bahawa Islam itu berhukumkan poligami kerana poligami dalam Islam mestilah disertai dengan syarat yang ketat atau sekiranya tiada kemampuan untuk memenuhi, Islam mengembalikan kepada asal perkahwinan iaitu monogami.

Ternyata berdasarkan dalil-dalil al-Quran ini, poligami itu merupakan satu keharusan bagi lelaki untuk mempraktikkannya jika mereka benar-benar dapat memenuhi tuntutan syarie. Di samping itu mereka mestilah mematuhi batas-batas tertentu untuk mengelakkan kepincangan dalam mengamalkannya⁵⁸.

Walaupun telah jelas keharusan poligami dalam Islam itu adalah keharusan bersyarat, namun orientalis Barat dan tidak kurang juga terdapat segolongan orang Islam di zaman moden ini mengecam poligami. Mereka yang terpengaruh dengan modernisme berpendapat poligami sebenarnya tidak dibenarkan dalam Islam. Pada pandangan mereka, Islam pada mulanya membenarkan seorang lelaki mengahwini lebih daripada seorang wanita dengan syarat lelaki boleh melakukan keadilan

⁵⁷ Abdul Nasir Taufiq al 'Athar (1976), *op.cit.*, h. 118.

⁵⁸ Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid dan Raihanah Haji Azahari (1989), *Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Karya Abazie, h. 78.

dalam semua hal terhadap isteri-isteri mereka. Tetapi syarat ini adalah mustahil untuk dipenuhi sebagaimana firmanNya :

وَلَنْ تَسْتِطِعُوا أَنْ تَعْدِلُوا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَنْ حَرَصْتُمْ

Surah al-Nisa' (4): 129.

Maksudnya: "Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya)".

Terjemahan Surah al-Nisa' (4): 129.

Lantaran berpegang pada ayat ini, mereka menyatakan bahawa poligami tidak dibenarkan dalam Islam kerana adalah mustahil untuk seorang lelaki berlaku adil antara isteri mereka walaupun dicuba sedaya upaya⁵⁹.

Mereka yang membuat tafsiran atau sengaja menyalahafsirkan nas itu sepatutnya memberi perhatian agar tafsiran mereka tidak terkeluar daripada tujuan perundangan Islam. Walaupun ia bertujuan untuk melakukan pembaharuan, ia bukanlah bermaksud untuk mentafsirkan nas-nas syarak dengan tafsiran yang tidak menepati cara sebenar yang telah disepakati oleh para ulama⁶⁰.

Adalah tidak logik tafsiran yang menyatakan poligami tidak dibenarkan dalam Islam kerana Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat sendiri melakukan poligami. Mustahil Nabi yang diutuskan oleh Allah itu tidak memahami maksud ayat yang sebenar sehingga dipertikaikan amalan mereka.

⁵⁹: Abdur Rahman I. Doi (1990), *Women In Shari'ah (Islamic Law)*. Kuala Lumpur: A.S.Noordeen, h. 55; Azizah al-Hibri (1982), *Women And Islam*. Oxford: Pergamon Press, h. 198.

⁶⁰: Abbas Husni Mohamad (1996), *Perkembangan Fiqah Islam*, Mohd Asri Hashim (terj.). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 90.

Sememangnya dalam perhubungan suami isteri yang berpoligami amatlah sukar untuk berlaku adil. Seorang suami mampu berlaku adil dalam soal kehidupan sehari-hari tetapi sesuatu yang tidak dimilikinya dan tidak mampu dikawal adalah soal hati⁶¹. Terdapat banyak tafsiran yang menyatakan bahawa adil di sini adalah adil dalam perkara yang dimiliki dan terdaya oleh lelaki itu usahakan iaitu suatu yang tidak berkait dengan hati dan perasaan sebagaimana yang akan diterangkan secara terperinci dalam bab syarat-syarat poligami nanti.

Walau apa juu pandangan, sebagai umat Islam yang berpegang teguh dengan ayat al-Quran, perlaksanaan poligami tidaklah boleh dipandang remeh. Sungguhpun al-Quran menjelaskan pengharusan poligami, namun pihak tertentu tidak sepatutnya hanya terus meluru pada firman Allah:

فَإِنْ كَحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ مُتْنَىٰ وَثُلَاثَةٌ وَرَبَاعٌ

Surah al-Nisa' (4): 3.

Maksudnya: "Maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga serta empat."

Terjemahan Surah al-Nisa' (4): 3.

Sekiranya mereka hanya berpegang kepada ayat ini tanpa menghiraukan ayat yang sebelum dan selepasnya, maka sudah pasti ia membawa satu maksud atau tujuan yang lain, tidak sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Sebagai kesimpulannya, pengharusan poligami itu dibenarkan dengan bersyarat sebagaimana firman Allah:

⁶¹ Ahmad 'Abd al-Wahāb (1989), *Ta'addud Nisa' al-Anbiyā' wa Makānat al-Mar'ah al-Yahūdiyyah wa al-Masihiyyah wa al-Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 179.

وَإِنْ حِفْتُمْ أَلَا تُقْسِطُوا فِي الْبَيْتَمَيْ فَإِنْ كِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ

مَتَّنِي وَثَلَاثَ وَرْبَاعَ فَإِنْ حِفْتُمْ أَلَا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكْتُ

أَيْمَانَكُمْ ذَلِكَ أَدْنَى أَلَا تَعْلُوْ

Surah al-Nisa' (4): 3.

Maksudnya: "Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman".

Terjemahan Surah al-Nisa' (4): 3.

Jika diperhatikan, ayat ini mengandungi syarat-syarat untuk berpoligami.

Allah membenarkan seorang mukmin berkahwin sehingga empat orang dengan perempuan-perempuan yang lain sekiranya mereka bimbang tidak dapat berlaku adil terhadap anak-anak yatim yang akan dikahwininya. Namun begitu, sekali lagi Allah mengingatkan dan memberi syarat agar mereka dapat berlaku adil antara isteri-isteri mereka. Sekiranya mereka masih bimbang tidak dapat berlaku adil, Allah memberi pilihan agar mereka hanya mengahwini seorang isteri sahaja. Begitulah ketelitian dan keadilan Allah dalam membentuk makhluknya ke arah kebaikan. Dari sini dapat disimpulkan, hanya dengan perasaan bimbang tidak dapat berlaku adil sahaja sudah memadai untuk seseorang itu tidak meneruskan niat untuk berpoligami, apakah lagi sekiranya mereka sudah yakin bahawa mereka tidak

berkemampuan untuk berlaku adil, maka sudah pasti mereka dilarang untuk berpoligami.

b) Dalil Daripada Hadis

Selain daripada dalil-dalil al-Quran, pengharusan poligami dalam Islam ini jelas terbukti apabila terdapat banyak hadis yang diriwayatkan tentang amalan poligami sebelum Islam dan tindakan Rasulullah menghadkan bilangannya apabila mereka memeluk Islam. Antara lainnya sebagaimana yang disebut dalam Musnad al-Syāfi'i :

أَنْ غِيَلَانَ بْنَ سَلْمَةَ التَّقْفِيَ أَسْلَمَ وَعِنْدَهُ عَشْرَ نِسَوَةً فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمْسِكْ أَرْبَعًا وَفَارِقْ سَائِرَهُنَّ.⁶²

Maksudnya: "Bahawa Ghaylān b. Salāmah telah memeluk Islam dan ia mempunyai sepuluh orang isteri. Nabi s.a.w. menyuruh dia memilih empat orang dan menceraikan yang lainnya".

Seterusnya hadis yang diriwayatkan oleh Abū Dāwud telah menyebut secara jelas tentang pengharusan poligami di zaman Rasulullah. Hadis tersebut ialah:

قَالَ: أَسْلَمْتُ وَعِنْدِي ثَمَانُ نِسَوَةٍ، فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِنَبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

وَسَلَّمَ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "اخْتَرْ مِنْهُنَّ أَرْبَعًا".⁶³

Maksudnya: "Berkata (al-Asadi-penulis): Aku telah memeluk Islam dan ketika itu aku memiliki lapan orang isteri kemudian aku

⁶²Abū 'Abd. Allah Muḥammad b. Idrīs al-Syāfi'i (1980), *Musnad al-Imām al-Syāfi'i*. Kitāb Akhār al-Qur'añ.

⁶³Abū Dāwūd Sulaymān b. al-Asy'ath al-Sajastānī (t.t.), *Sunan Abī Dāwūd*. Kitāb al-Nikāh, Bāb Fī Man Aslama wa 'Indah Nisa' Akthar Min Arba', no. hadith 2241.

menemui Nabi dan memberitahu tentang hal ini. Baginda bersabda “pilih empat antara mereka.”

Seterusnya hadis yang diriwayatkan dari Nawfal b. Mu‘awiyah berkata:

أَسْلَمْتُ وَتَعْنِيْ خَمْسَ نَسَوَةً فَسَأَلَتِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ

فَارِقٌ وَاحِدَةٌ وَأَمْسَكَ أَرْبَعاً.⁶⁴

Maksudnya: “Aku telah memeluk Islam dan aku mempunyai lima orang isteri lalu aku bertanya kepada Nabi s.a.w. Baginda bersabda ceraikan dan seorang dan peganglah empat.”

Daripada ketiga-tiga hadis ini jelas menunjukkan poligami dibenarkan dalam Islam tetapi dihadkan bilangannya sehingga empat orang. Jelaslah di sini, keizinan poligami adalah keizinan bersyarat dan bukanlah keizinan secara mutlak ataupun sebagai wajib melakukannya.

c) Dalil Daripada Ijmak

Pengharusan poligami ini juga telah disokong oleh ijmak ulama. Para sahabat, tabien dan fuqaha berpendapat poligami diharuskan dengan membataskan bilangannya dan terhenti kepada syarat-syarat tertentu.⁶⁵

Kesemua dalil dan pandangan yang telah dijelaskan ini telah membuktikan syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam poligami. Keterangan daripada al-Quran dan hadis ini juga telah menjawab kekeliruan sesetengah pihak yang menuduh Islam adalah perintis kepada amalan poligami. Ternyata, sebelum Islam amalan ini

⁶⁴ Al-Syāfi‘ī (1980), *op.cit.*

⁶⁵ Lihat Maḥmūd Syaltūt (1966), *Al-Islām ‘Aqūdah wa -Syari‘ah*. Kaherah: Dār al-Alām, h. 196.

telah menjadi satu tradisi dan adat kebiasaan malah perlaksanaannya yang tanpa batas itu menyalimi pihak yang lemah. Kedatangan Islam adalah sebagai penyelamat keadaan dan merintis kepada undang-undang yang terbatas agar poligami tidak disalahgunakan.

1.5 SYARAT-SYARAT POLIGAMI

Islam adalah agama yang menitikberatkan kesejahteraan dalam apa jua aspek kehidupan. Dalam soal poligami, sungguhpun Islam mengharuskan amalan ini, namun ia tidaklah bermakna setiap lelaki itu layak berpoligami sewenang-wenangnya tanpa terikat dengan syarat-syarat tertentu. Islam sama sekali tidak mensyariatkan sesuatu itu dan kemudian mengambil jalan lepas tangan atau membiarkan ia berlaku begitu sahaja. Poligami yang diharuskan sebagaimana yang terkandung dalam surah al-Nisa' ayat 3 itu sebenarnya disusuli dan terikat dengan beberapa syarat penting yang perlu dipenuhi. Ia bukanlah syarat yang direka oleh manusia tetapi satu ketentuan dan garis panduan yang telah diperingatkan kepada manusia bersandarkan pada dalil-dalil al-Quran dan hadis sebagai jaminan daripada berlaku sebarang bentuk penganiayaan terhadap wanita. Syarat-syarat poligami sebagaimana yang dikehendaki dalam Islam adalah :

i) Kemampuan dan Keadilan

Poligami yang diharuskan oleh Islam itu dinilai berdasarkan kemampuan suami dalam menanggung segala bebanan tanggungjawab samada yang berupa material ataupun bukan material serta yakin boleh melakukan keadilan sebagaimana yang dituntut. Bagi mereka yang mempunyai lebih daripada seorang

isteri, keadilan merupakan satu syarat utama. Ini dapat dilihat sebagaimana firman Allah:

وَإِنْ حِفْظُمْ لَا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَإِنْ كِحُوا مَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ
مِنْتَيْ وَثَلَاثَ وَرَبِيعَ فَإِنْ حِفْظُمْ لَا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكُتُمْ
أَيْمَانَكُمْ

Surah al-Nisa' (4): 3.

Maksudnya: "Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki."

Terjemahan Surah al-Nisa' (4): 3.

Dalam menafsirkan perkataan (تُقْسِطُوا) kebanyakan para pentafsir bersepakat menyatakan bahawa perkataan itu adalah sama maksudnya dengan adil (العدل)⁶⁶. Dari sini sudah jelas bahawa sikap adil ialah perkara yang perlu diutamakan pada setiap mereka yang berpoligami.

⁶⁶Muhammad 'Ali al-Sayyis (t.t.), *Tafsīr Ayāt al-Ahkām*. T.T.P.: T.P., h. 22.; 'Izz al-Dīn 'Abd al-'Azīz b. 'Abd al-Salām (1996), *Tafsīr al-Qur'ān*, j. 1, c. 1. Beirut: Dār Ibn Hāzim, h. 302.; Muhammad Mutawalli al-Sya'rāwī (t.t.), *Tafsīr al-Sya'rāwī*, jil. 4. T.T.P.: Akhbār al-Yāum, h. 1997.

Keadilan yang dimaksudkan di sini ialah adil dalam perkara-perkara zahir di mana suami sebagai seorang insan berupaya melakukannya⁶⁷. Keperluan zahir ini termasuklah pembahagian nafkah yang perlu ditanggung, tempat kediaman, pakaian, pelajaran anak-anak dan lain-lain keperluan hidup manusia.

Menurut Syeikh Muhammad Abū Zahrah, seorang suami yang tidak yakin akan berlaku adil terhadap isteri mereka, hanya dibenarkan berkahwin seorang sahaja kerana adil merupakan syarat untuk berpoligami. Dalam poligami tidak ada istilah perbezaan samada isteri itu janda atau dara, lama atau baru, lemah atau sihat kerana mereka itu mempunyai ikatan yang disyariatkan dan wajiblah ada kesamaan antara mereka⁶⁸.

Seperti yang dijelaskan, keadilan yang dituntut ialah adil dalam perkara-perkara zahir sahaja manakala bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan perasaan dan hati yang mana manusia tidak mampu untuk mengawalnya, mereka tidaklah diberati untuk menyamakannya. Sungguhpun demikian, dalam al-Quran telah mengingatkan seorang suami tidaklah boleh bersikap berlebih-lebihan terhadap isteri yang disayanginya kerana ini akan menyinggung perasaan di pihak yang lain⁶⁹. Ini dinyatakan sebagaimana firman Allah :

وَكُنْ تَسْتَطِعُواْ أَنْ تَعْدِلُواْ بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَاْ حَرَثْتُمْ فَلَاْ تَبِيلُواْ كُلَّ

⁶⁷ Al-Sya'rāwī, *op.cit.*, h. 2003, Abd. Jalil bin Mohd. Hassan (1993), *Perkahwinan Dalam Islam Berdasarkan Kepada Dalil, Hukum, Hikmat Dan Panduan Kehbahagiaan*, Kuala Lumpur: A.S. Nordeen, h. 162.

⁶⁸ Muhammad Abū Zahrah (1957), *Al-Āḥwāl Al-Syakhsiyah*, Ed. 3. Kaherah: Dār al- Fikr Al-'Arabī, h. 168.

⁶⁹ Badrān, Abū al-Aynayn Badrān (1985), *op.cit.*, h. 127; Lihat juga keterangan dalam Ibn 'Arabī, Abū Bakar Muḥammad b. 'Abdullah (1998), *Aḥkām al-Qur'ān*, j. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 234.

الْمِتَلِ فَنَذَرُوهَا كَالْمُعَلَّقَةِ وَإِنْ تُصْبِحُوا وَسِقْرًا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا

رَحِيمًا

Surah al-Nisa' (4): 129.

Maksudnya: "Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya); oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau-lampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awang-awang); dan jika kamu memperbaiki (keadaan yang pincang itu), dan memelihara diri (daripada perbuatan yang zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani".

Terjemahan Surah al-Nisa' (4): 129.

Kebanyakan kitab tafsir⁷⁰ menerangkan, Allah tidak akan menyusahkan hambanya untuk melaksanakan apa yang tidak terdaya dilakukan kerana perasaan kasih sayang, marah atau benci itu adalah berkaitan dengan hati yang mana manusia tidak dapat mengawal kehendaknya. Sebagai contoh Nabi Muhammad s.a.w. juga telah berlaku adil antara isteri-isterinya namun baginda lebih menyayangi Saidatina Aisyah. Hadis daripada Aisyah menyebut bahawa Nabi s.a.w. pernah berdoa:

اللَّهُمَّ هَذَا قَسْمٌ فِيمَا أَمْلَكَ فَلَا تَلْمِنِي فِيمَا تَمْلِكَ وَلَا أَمْلِكُ.⁷¹

Maksudnya: "Ya Allah, inilah pembahagianku yang mampu saya laksanakan, janganlah engkau mencela tentang yang Engkau miliki dan tidak saya miliki".

⁷⁰ Lihat Niżām al-Dīn al-Ḥasan b. Muḥammad b. Ḥusain al-Naysabūrī (1996), *Tafsīr Gharrā’ib al-Qur’ān Wa Raghā’ib al-Furqān*, jil. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 510; Wahbah Zuhayliy (1991), *op.cit.*, j. 5. h. 293.

⁷¹ Abū ‘Isā Muḥammad b. ‘Isā b. Sūrah al-Tirmidhī (1973), *Al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ wahuwa Sunan al-Tirmidhī*. Kitāb al-Nikāh, Bāb Mā Jā’ a Fi al-Taswiyah Bayna al-Ḍarā’ir, no. hadith 1140.

Oleh yang demikian, suami tidaklah boleh terlampaui memberi perhatian kepada isteri yang disayangi sehinggaikan isteri yang lain rasa terabai dan tergantung kedudukannya (فَتَذَرُوهَا كَالْمُعَلَّقَةِ), iaitu seperti tidak diceraikan dan tidak pula dikahwini. Bahkan suami mestilah melayan mereka dengan sebaiknya dan menjaga hak-hak mereka yang sepatutnya.

Bagi sesetengah orientalis, mereka menggunakan ayat di atas sebagai dalil bahawa poligami diharamkan kerana manusia itu tidak dapat berlaku adil sepenuhnya antara isteri mereka itu. Namun kritikan-kritikan ini telah terjawab dengan terang dan nyata sekali berdasarkan kepada keterangan yang telah dijelaskan tadi. Tidak dapat diterima akal sama sekali bahawa Allah mempertanggungjawabkan ke atas manusia itu sesuatu yang sememangnya di luar daripada kemampuan manusia⁷². Dalam berpoligami, suami tidak mampu untuk menyamaratakan dan mengawal perasaan sayang atau benci namun mereka diingatkan agar janganlah terlampaui berat sebelah sehingga menyinggung perasaan pihak yang lain.

Berdasarkan pada keterangan-keterangan tadi, jelaslah bahawa keadilan yang dituntut dalam poligami adalah keadilan dari segi zahirnya seperti pemberian nafkah, pembahagian giliran, penyediaan tempat tinggal, makan, minum dan segala yang mampu dilakukan oleh suami. Selain itu, suami sebagai ketua keluarga bertanggungjawab menanggung nafkah isteri dan anak-anaknya. -

⁷² Ali 'Abd. Wāhid Wāfi (t.t.), *al-Mar'ah Fī al-Islām*. Al-Fujālat: Maktabah Gharib, h. 139.

Penyaraan nafkah bermaksud menanggung semua perbelanjaan isteri selagi mereka masih bergelar suami isteri dan untuk anak-anak sehingga dewasa.⁷³

Firman Allah:

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْنَوْثُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا يُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا
وُسْعَهَا

Surah al-Baqarah (2): 233.

Maksudnya: "Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya".

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 233.

Selain itu, ketentuan syariat tentang kewajipan memberi nafkah keluarga juga dapat difahami melalui firman Allah:

لِيُنْفِقُ ذُو سَعْةٍ مِّنْ سَعْتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا أَتَاهُ اللَّهُ لَأَ
يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَا أَتَاهَا سَيَحْجَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Surah al-Talaq (65): 7.

Maksudnya: "Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa)

⁷³Keterangan lanjut tentang nafkah sila lihat Abū 'Abd. Allah Muḥammad b. Idrīs al-Syāfi'i (t.t.), *op.cit.*, h. 78; Zaleha Kamaruddin (1997), *Isu-Isu Kekeluargaan Dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 36.

Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan".
Terjemahan Surah al-Talaq (65): 7.

Nafkah yang wajib dilaksanakan oleh suami itu sebenarnya bukanlah ditentukan dalam jumlah tertentu tetapi mengikut kadar yang termampu oleh suami. Begitu jugalah dalam berpoligami, suami bertanggungjawab berlaku adil dalam pemberian nafkah. Oleh kerana itulah disyaratkan ke atas lelaki itu agar mempunyai kemampuan dalam melaksanakan tanggungjawabnya sekiranya mereka bercita-cita untuk berpoligami.

Tidak dapat dinafikan, tanggungjawab dalam poligami ini amatlah berat dan pensyariatannya adalah suatu bentuk pengecualian kepada mereka yang mampu sahaja. Selain daripada ayat-ayat al-Quran, terdapat juga hadis-hadis Rasulullah yang memberi peringatan tentang tanggungjawab suami terhadap isteri. Ini dapat dilihat daripada khutbah Rasulullah s.a.w. dalam Haji al-Wada' sebagaimana yang diriwayatkan daripada Jabir bin Abdillah:

فَالْتَّقُوا اللَّهَ فِي النِّسَاءِ فَإِنَّكُمْ أَخْذَنُوهُنَّ بِأَمَانَ اللَّهِ وَاسْتَحْلَلُتُمْ فِرْوَاهُنَّ

لكلمة الله...ولهن عليكم رزقهن وكسوةهن بالمعروف⁷⁴

Maksudnya: "Bertaqwalah kamu kepada Allah dalam urusan perempuan, sesungguhnya kamu mengambil mereka dengan amanah Allah dan kamu menghalalkan kehormatan mereka dengan kalimah Allah ... dan menjadi kewajipan keatas kamu memberi makan dan pakai sebaik-baiknya".

⁷⁴ Abū al-İjusayn Muslim ibn Hajjāj (t.t.), *Sahīh Muslim bi Syarḥ al-Nawāwī*. Kitāb al-Haj, Bāb Ḥujjah al-Nabī s.a.w., no. hadith 1218.

Hadis di atas menjelaskan bahawa isteri sebagai amanah Allah kepada suami. Sesudah akad, suami bertanggungjawab sepenuhnya ke atas isteri atau isteri-isteri bagi mereka yang berpoligami tanpa diskriminasi. Inilah tanggungjawab yang mesti diberi penekanan, perhatian dan keadilan kerana berpoligami bermakna membentuk sebuah keluarga lain yang memerlukan kepada tanggungjawab yang besar serta beban kewangan yang tinggi diantara keluarga sebelum dan akan datang.

Selain daripada itu, suami juga haruslah memberi keadilan dalam pembahagian giliran. Menurut Dr. 'Abd al-Karīm Zaydān⁷⁵, walaupun pembahagian giliran amatlah dituntut namun para ulama bersepakat bahawa tidak diwajibkan bagi seorang suami menyamaratakan hubungan jimat antara isteri-isterinya kerana ia bersangkutan dengan soal keinginan syahwat dan perasaan tetapi sekiranya mampu ia adalah yang terbaik. Hal ini juga telah banyak dibincangkan oleh fuqaha terdahulu seperti al-Sarakhsī⁷⁶ dan al-Syīrāzī⁷⁷. Dalam pada itu, seorang suami tidak dibenarkan menginap lebih daripada tiga malam bagi seorang isteri kecuali setelah diizinkan oleh isteri-isteri beliau, tetapi sebaiknya digilirkan setiap semalam antara isteri-isteri sebagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.⁷⁸.

⁷⁵. Abd al-Karīm Zaydān (1994), *al-Mufassal fī Aḥkām al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fī al-Syar'iyyah al-Islāmiyyah*, j. 7, c. 2. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 266.

⁷⁶ Lihat Syams al-Dīn Muhammad b. Ahmad al-Sarakhsī (1986), *al-Mabsūt*, j. 5. Beirut: Dār al-Ma'rīfah, h. 217.

⁷⁷ Lihat Abū Ishaq Ibrāhīm b. 'Alī Yūsuf al-Fayrūz Abādī al-Syīrāzī (t.t.), *al-Muhadhdhab fī Fiqh al-Imām al-Syāfi'i*, j. 2. Mesir: Al-Bābī al-Halabī, h. 87.

⁷⁸. Abd al-Karīm Zaydān (1994), *op.cit.*, h. 266.

Keadilan dalam pembahagian giliran ini telah ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w. sehingga saat terakhir kewafatannya baginda masih lagi meminta izin daripada isteri -isteri sebagaimana hadis yang diriwayatkan dari Aisyah r.a:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ

يَسْأَلُ فِي مَرْضِهِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ 'أَيْنَ أَنَا غَدًا؟ أَيْنَ أَنَا غَدًا؟' يَرِيدُ يَوْمَ

عَائِشَةَ 'فَأَذْنُ لِهِ أَزْوَاجَهُ يَكُونُ حِيثُ شَاءَ.' فَكَانَ فِي بَيْتِ عَائِشَةَ

⁷⁹ حَتَّى مَاتَ

Maksudnya: "Dari Aisyah r.a sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pernah bertanya pada waktu sakit yang menyebabkan wafatnya: "Di mana aku esok? Di mana aku esok?". Baginda menghendaki pada Aisyah. Maka isteri-isterinya memperbolehkan baginda sekehendaknya. Maka Rasulullah berada di rumah Aisyah sehingga wafat".

Begitulah telitinya Rasulullah s.a.w. dalam berpoligami dan di sini jelas bahawa keredaan isteri mestilah diutamakan agar kehidupan berpoligami tidak dilaknat. Sementara itu, terdapat banyak lagi hadis-hadis yang menitikberatkan keadilan berpoligami sehingga pada ketika bermusafir, Rasulullah masih lagi menunjukkan cara untuk melakukan keadilan. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a:

⁷⁹ Abū 'Abd. Allah Muḥammad b. Ismā'īl b. Ibrāhīm b. al-Mughirah b. Bardaziyyah al-Bukhārī (t.t.), Ṣaḥīḥ al-Bukhārī bi Syarḥ al-Karmānī. Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Izā Iṣṭaḍhanā al-Rajul Nisa'ah Fī An Yumarrāḍa Fī Bayt Ba'dihim Fa'adhdhin Lah, no. hadith 4888.

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم كان إذا سافر أقرع بين نسائه⁸⁰

Maksudnya: “Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. jika hendak berpemergian, baginda melakukan undian di antara isteri-isterinya”.

Berdasarkan hadis-hadis di atas, jelaslah bahawa Islam begitu memberi penekanan terhadap keadilan dalam berpoligami. Tugas dan tanggungjawab yang besar ini tidaklah boleh diabaikan kerana syarat ini begitu jelas sekali diterangkan dalam al-Quran ataupun al-Sunnah, sehingga salah satu amaran atau peringatan keras yang ditinggalkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh

Abu Hurairah r.a:

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ كَانَ لَهُ امْرَأَتَانِ فَمَا لَهُ إِلَّا حَمَّالٌ

. إِحْدَاهُمَا دُونَ الْأُخْرَى حَمَّاءُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَشَقَّهُ مَائِلٌ⁸¹

Maksudnya: “Daripada Nabi s.a.w. bersabda: barang siapa mempunyai dua isteri dan ia condong pada salah seorang antara mereka nescaya pada hari kiamat akan datang dengan setengah badannya mengiring”.

Hadis tadi jelas memperlihatkan kewajipan ke atas suami berlaku adil antara isterinya dalam memenuhi keperluan material dan ditegah mereka terlampau memilih kasih sehingga terluka hati di pihak yang lain. Apabila seorang muslim berkeyakinan atau khuatir bahawa dirinya tidak dapat berlaku adil dalam poligami,

⁸⁰ Muhammad Nasr al-Din al-Albani (1988), *Sahih Sunan Ibn Majah*. Kitab al-Nikah, Bab al-Qismah Bayan al-Nisa', no. hadith 1604.

⁸¹ Ahmad b. Hajar al-'Asqalani (1993), *Bulugh al-Mar'ah Min Adillah al-Ahkam*. Kitab al-Nikah, Bab al-Qism, no. hadith 1058; Lihat juga Ibn al-Diba' al-Syaibani (t.t.), *Tafsir al-Wusul il-Jami'* al-Utsil Min Hadith al-Rasul, Kitab al-Nikah.

wajib baginya untuk tidak berkahwin lebih dari seorang isteri kerana pengamalan yang tidak mencukupi syarat-syarat yang ditetapkan adalah berdosa di sisi Allah.

ii) Pembatasan Jumlah Isteri

Poligami yang diharuskan dalam Islam itu adalah terbatas dan terhad bilangannya sehingga empat orang sahaja dalam satu waktu yang sama. Syarat ini telah dipersejuaui oleh ulama⁸². Pembatasan jumlah isteri ini adalah berdasarkan kepada dalil yang terang sebagaimana firman Allah:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَا تُقْسِطُوا فِي الْيَتَامَىٰ فَانكِحُوهُمَا طَابَ لَكُمْ مِّنَ النِّسَاءِ

مُنْتَهَى وَثْلَاثَ وَرْبَاعَ

Surah al-Nisa' (4): 3.

Maksudnya: “Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat”.

Terjemahan Surah al-Nisa' (4): 3.

Sebagaimana yang telah diterangkan di awal perbincangan, sebab penurunan ayat ini dan kedatangan Islam itu sendiri adalah untuk mendisiplinkan umat manusia yang jahil dan terlalu mengikut nafsu sehingga menzalimi dan menidakkan hak kaum wanita. Justeru itu, bagi seorang lelaki yang sudah mempunyai empat orang isteri maka haramlah baginya untuk mengahwini yang lain

⁸² Abū al-Tayyib Ṣiddīq b. Ḥasan al-Bukhārī (1992), *Fath al-Bayān Fī Maqāṣid al-Qur’ān*, j. 3. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, h. 17; Maḥmūd b. Abū al-Ḥasan b. al-Ḥusayn al-Naysābūrī (1990), *Waḍah al-Burhān Fī Muṣykilāt al-Qur’ān*. Beirut: al-Dār al-Syāmiyah, h. 273.

melainkan setelah diceraikan salah seorang daripada isteri-isterinya. Menurut Dr.Badran, hikmah pembatasan jumlah ini adalah untuk mengelakkan daripada berlaku kezaliman daripada suami yang mungkin tidak mampu berlaku adil sebagaimana yang telah berlaku di zaman jahiliyyah⁸³.

Tidak dinafikan wujudnya pertelingkahan pendapat tentang bilangan yang dibolehkan untuk berpoligami sehingga ada golongan yang berfahaman boleh menikahi sembilan (9) orang wanita sekaligus. Namun demikian, para ulama menolak pandangan ini dan menyifatkan mereka yang berfahaman sedemikian adalah tergolong daripada orang orang yang jahil tentang sunnah dan bercanggah dengan ijmak ulama. Malah tidak terdapat seorang sahabat ataupun tabien yang mengahwini lebih daripada empat orang isteri⁸⁴. Perbezaan ini adalah disebabkan pemahaman yang berbeza tentang lafadz ayat dan penggunaan sesuatu huruf yang boleh membawa banyak pengertian.Walaupun begitu berdasarkan kitab-kitab tafsir dan hadis Rasulullah s.a.w., telah dijelaskan bahawa jumlah isteri adalah terhad kepada empat orang sahaja. Walaupun begitu, Imam Shafie dan para ulama menyatakan hanya Rasulullah s.a.w. yang dikecualikan dan baginda dibenarkan mengahwini lebih daripada empat orang isteri⁸⁵.

Dengan demikian, jumlah maksimum bagi seorang muslim untuk berpoligami adalah seramai empat orang dengan syarat mereka dapat melaksanakan tanggungjawab sebagaimana yang telah ditetapkan. Mengikut pandangan akal,

⁸³Badrān Abū al-Aynayn Badrān (1985), *op.cit.*, h. 126.

⁸⁴Muhammad Sayyid al-Tanṭawī (997), *al-Tafsīr al-Wasīl Lil Qur'ān al-Karīm*, Jil. 3. Kaherah: Dār Nahḍah Misr, h. 34; Abū Muḥammad b. Aḥmad b. Muḥammad b. Qudāmah al-Maqdīsī (1999), *al-Mughnī*, j. 9 c. 4. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sū'ūdiyyah: Dār 'Alīm al-Kutub, h. 471-472.

⁸⁵Ismā'il b. Kathīr al-Qurāṣī (1966), *op.cit.*, j. 2. h. 199.

jumlah ini sudah begitu mencukupi malah agak tidak tertanggung bebanan tanggungjawab bagi manusia yang hidup sederhana. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada penilaian dan kemampuan individu tanpa melupakan balasan daripada Allah.

iii) Haram mengumpulkan wanita yang bersaudara atau masih berkeluarga

Merujuk kepada syarat untuk berpoligami, Al-Sya'rawī dalam kitab tafsirnya⁸⁶ menegaskan bahawa Allah s.w.t. telah berfirman:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخْوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ وَخَالَاتُكُمْ

وَبَنَاتُ الْأَخِي وَبَنَاتُ الْأَخْتِ وَأُمَّهَاتُكُمُ الَّذِي أَرْضَعْتُكُمْ وَأَخْوَاتُكُمْ

مِنَ الرَّضَاعَةِ وَأُمَّهَاتُ نِسَاءِكُمْ وَرَبِّيَّكُمُ الَّذِي فِي حُجُورِكُمْ مِنْ

سَيَّانِكُمُ الَّذِي دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَإِنْ لَمْ تَكُونُوا دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا حَنَاجَ

عَلَيْكُمْ وَحَلَالٌ أَتِيَّاتُكُمُ الَّذِينَ مِنْ أَصْلَابِكُمْ وَأَنْ تَجْمَعُوهُنَّ بَيْنَ

الْأَخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَفَرَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا

Surah al-Nisa' (4): 23.

Maksudnya: "Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut): ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu, dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam

⁸⁶al-Sya'rawī (t.t.), *op.cit.*, h. 1999.

pemeliharaan kamu dari isteri-isteri kamu yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telahpun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). Dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. Dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu) kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

Terjemahan Surah al-Nisa' (4): 23.

Berdasarkan kepada hujah inilah beliau berpendapat, antara syarat utama dalam berpoligami ialah tidak mengumpulkan atau memadukan wanita yang bersaudara sebagaimana yang telah disebut dalam ayat tadi. Pendapat ini juga telah ditegaskan oleh ahli tafsir⁸⁷ yang lain dan para fuqaha⁸⁸ telah bersepakat bahawa diharamkan mengumpul dua wanita yang bersaudara dalam satu masa. Begitu juga haram dikumpulkan wanita dengan ibu saudaranya samada sebelah bapa atau emaknya⁸⁹.

Di sebalik pengharaman Allah ini sudah tentu terdapat hikmatnya tersendiri. Jika diteliti, poligami ini akan menimbulkan rasa cemburu dan ketidakpuasan hati terutama bagi pihak wanita. Sekiranya Islam membenarkan untuk dimadu wanita yang bersaudara, sudah pasti akan berlaku perpecahan dan memutuskan silaturrahim antara keluarga yang dekat apatah lagi mereka yang sememangnya

⁸⁷ Muhammad Sayyid al-Tanṭāwī (1997), *op.cit.*, h. 107; Muhammad b. 'Ali b. Muhammad al-Sywākānī (1973), *Fatḥ al-Qadīr*, j. 1. T.T.P.: Dār al-Fikr, h. 449.

⁸⁸ al-Syāfi'i (t.t), *op.cit.*, h. 2; Muhammad b. Ahmad b. Muhammad b. Ahmad b. Rusyd al-Qurtubī (t.t.), *Bidāyah al-Mujtahid Fī Nihayah al-Muqtashid*, j. 2. T.T.P.: Dār al-Fikr, h. 31; 'Ala' al-Dīn al-Samarqandī (1984), *Tuhfat al-Fuqahā'*, j. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, h. 125; Lihat juga keterangan dari kitab-kitab terkemudian seperti Muhammad Jawād Mughniyyah (1964), *al-Ahwāl al-Syakhsiyah*. Beirut: Dār al-'Ilm Lilmalāyin, h. 25; 'Umar Furukh (1951), *al-Uṣrah fī al-Šyar'i al-Islāmī*. Beirut: T.P., h. 309.

⁸⁹ Muhammad Jawād Mughniyyah (1984), *al-Fiqh 'Alā al-Madhbāh al-Khamsah*, Jil. 8. Beirut: Dār al-Jawād, h. 309.

seibus sebusa dan hidup dalam keadaan harmoni di bawah satu bumbung sebelumnya. Oleh itu Islam begitu teliti dalam mensyariatkan sesuatu hukum agar institusi keluarga muslim terpelihara dari perpecahan.

Larangan mengumpulkan wanita yang bersaudara ini juga telah diterangkan dalam hadis Rasulullah s.a.w. :

عن الضحاك بن فiroز عن أبيه قال: قلت: يا رسول الله إِنِّي أَسْلَمْتُ

^{٩٠} وَخَتِيَّ أَخْتَانَ قَالَ "طَلَقْ أَيْتَهُمَا شَتَّى"

Maksudnya: "Daripada al-Dahhāk b. Fayrūz, daripada ayahnya berkata: Saya pernah berkata kepada Rasulullah s.a.w.: "Ya Rasulullah, saya sudah masuk Islam dan saya mempunyai dua isteri yang kakak beradik, maka Rasulullah s.a.w. bersabda: Ceraikanlah yang mana saja di antara mereka berdua, yang engkau kehendaki".

Sememangnya terdapat banyak riwayat lain yang menunjukkan pengharaman mengumpulkan dua wanita bersaudara dalam satu waktu yang sama⁹¹.

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa diharamkan bagi seorang lelaki memadukan wanita yang bersaudara atau mempunyai pertalian darah sebagaimana yang telah tersenarai dalam ayat 23, Surah al-Nisa' yang telah disebutkan tadi. Dengan menyempurnakan kesemua syarat-syarat tadi, seorang lelaki itu diharuskan untuk berpoligami.

^{٩٠} al-Sajastānī (t.t.), *op.cit.*, h. 272.

^{٩١} Lihat Jalāl al-Dīn 'Abd al-Rahmān b. Abī Bakr al-Suyūtī (t.t.), *Sunan al-Nasā'i*. Kitāb Nikāh, Bāb Tahrim al-Jam' Bayn al-Umm wa al-Bint; Muḥammad b. 'Alī b. Muḥammad al-Syawkānī (t.t.), *Nayl al-Awqāf*. Kitāb Nikāh, Bāb Nahy 'An al-Jam' Bayn al-Mar'ah wa 'Ammatuhā aw Khūlatuhā.

1.6 SEBAB-SEBAB DIHARUSKAN POLIGAMI

Dalam membincangkan isu poligami ini, walaupun ia satu keharusan yang dibenarkan dalam Islam, namun tiada nas yang disebut secara jelas tentang faktor ataupun sebab-sebab yang diharuskan seseorang itu untuk berpoligami. Begitu juga dalam penulisan-penulisan fiqh, perbincangannya hanya menyentuh dan banyak tertumpu kepada soal-soal hukum yang berkaitan dengan poligami dan bersandarkan kepada al-Quran dan hadis.

Namun demikian, dalam penulisan-penulisan yang terkemudian, terutama apabila menyentuh tentang institusi kekeluargaan, telah dibincangkan sebab-sebab diharuskan poligami dalam Islam. Tidak dinafikan pandangan-pandangan yang telah diberikan itu adalah untuk memenuhi keperluan dan suatu bentuk panduan kepada masyarakat agar poligami yang diharuskan itu tidak disalahgunakan. Walaupun ia adalah suatu pandangan, selagi mana ia tidak menyalahi al-Quran dan hadis malah berfungsi sebagai satu jalan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi zaman kini, maka pandangan ini bolehlah dijadikan sebagai satu garis panduan.

Berbalik kepada al-Quran, sungguhpun ia tidak menyatakan dengan jelas sebab-sebab dibenarkan poligami, tetapi apabila ditinjau sebab penurunan ayat 3 surah al-Nisa', disebutkan bahawa ayat ini telah diturunkan selepas berlakunya peperangan Uhud di mana ramai pejuang Islam yang terkorban. Ekoran daripada peperangan itu, bilangan wanita yang kematian suami semakin bertambah malah mereka terpaksa menanggung anak-anak yatim yang masih dahagakan kasih sayang. Dari sini dapat dilihat perkaitan antara keharusan poligami dalam Islam dan tanggungjawab untuk membela nasib mereka yang kehilangan tempat

bergantung. Tidak keterlaluan jika sebahagian mereka menyatakan bahawa al-Quran membenarkan poligami adalah bertujuan untuk menyelesaikan masalah dan menjaga kepentingan individu lain dan bukannya atas dasar memenuhi keperluan sendiri⁹². Justeru itu, poligami ini dianggap sebagai satu amalan dan usaha murni untuk menolong mereka yang lemah.

Begitu juga halnya dengan contoh poligami yang telah dipraktikkan oleh baginda Rasulullah s.a.w. di mana tujuan utamanya adalah untuk menjaga kepentingan orang lain dan demi memartabatkan Islam.

Antara motif yang dapat diperhatikan melalui perkahwinan poligami Rasulullah s.a.w. dapat disimpulkan seperti berikut⁹³:

- a) Untuk menyelamatkan janda daripada disiksa dan ditindas serta dipaksa agar murtad sebagaimana yang telah berlaku kepada Saudah binti Zam'ah. Beliau adalah seorang wanita yang lanjut usia serta lambat untuk bergerak dan sukar untuk mencari pasangan yang sesuai dengannya. Baginda Rasulullah mengahwininya setelah kematian Sayidah Khadijah adalah semata-mata untuk melindungi Saudah daripada penganiayaan kaumnya.
- b) Untuk mengurangkan persengketaan dan permusuhan sebagaimana perkahwinan baginda dengan Juwairiyah anak kepada ketua kaum Mustaliq yang ditawan ketika kaumnya memerangi Islam. Dengan perkahwinan ini permusuhan antara dua puak dapat diselesaikan secara aman.

⁹²Raihanah Haji Abdullah (1997), *op.cit.*, h. 168.

⁹³Abū Muḥammad 'Abd al-Malīk b. Hisyām al-Ma'āfirī (1978), *al-Sīrah al-Nabawiyah*, j. 4, c. 3. Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah, h. 213-218; Afzalur Rahman (1982), *Encyclopaedia Of Seerah*, Vol. II. London: Seerah Foundation, h. 158-207; Ahmad Muhammad Al-Hufi (1984), *op.cit.* h. 18-53.

poligami, apabila Allah membolehkannya secara bersyarat, sudah pasti disebaliknya mempunyai hikmah yang tidak terhingga.

Melalui perkahwinan Rasulullah s.a.w. umpamanya mengandungi hikmah-hikmah yang sangat banyak. Antaranya ialah untuk memelihara kepentingan Islam, mengembangkan syiar dan menyebarkan hukum-hukumnya. Di samping itu, melalui perkahwinan ini juga, ia dapat menjinakkan hati kabilah-kabilah yang pada mulanya bersikap ganas tetapi akhirnya menyokong dan membela Rasulullah. Pada setiap perkahwinan baginda Rasulullah itu telah menyerlahkan lagi keperibadian baginda yang sentiasa prihatin terhadap golongan yang tidak berdaya. Seterusnya, sikap bertanggungjawab baginda Rasulullah itu menjadi contoh kepada umat manusia untuk membina keharmonian di mukabumi ini.

Tidak dapat disangkal bahawa di sebalik pengharusan poligami itu pasti tersebunyi beberapa hikmah yang tersirat. Antara hikmah poligami yang dapat dilihat secara zahirnya adalah seperti berikut:

1. Mengurangkan amalan zina dan pelacuran

Seperti agama-agama samawi yang lain, Islam juga mengharamkan zina dan perkara-perkara yang boleh membawa kepada perzinaan misalnya percampuran lelaki dan perempuan tanpa batasan, berkhalwat, merenung perempuan asing dengan bernafsu dan sebagainya. Pengharaman zina ini telah jelas sebagaimana firman Allah:

وَلَا تُقْرِبُوا الرُّجُنَيْ إِنَّمَا كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا

Surah al-Isra'(17): 32.

Maksudnya: “Dan janganlah kamu menghampiri zina sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)”.¹¹⁰

Terjemahan Surah al-Isra'(17): 32.

Kadangkala terdapat segelintir lelaki yang memang fitrahnya kuat nafsu berahi dan belum puas kalau hanya dilayani oleh seorang isteri. Dengan demikian, Islam tidak menyempitkan urusan perkahwinan tetapi tidak pula meluaskannya melainkan atas kadar yang ditetapkan iaitu empat orang. Kesannya, keizinan melalui saluran yang sah ini akan menolong manusia untuk menjauhkan diri daripada terpaksa melakukan zina sebagaimana yang berlaku di kebanyakan negara-negara barat. Hal ini tidak mustahil dan memang terjadi di negara Islam sendiri apabila terdapat umatnya yang menyekat perbuatan halal dan menghalalkan yang haram. Walau bagaimanapun perbuatan ini mungkin berkurangan berbanding dengan apa yang berlaku di negara yang mengharamkan poligami sepenuhnya seperti dalam kebanyakan masyarakat Eropah dan Amerika yang beragama Kristian. Akibat daripada pengharaman poligami ini, lahirlah generasi yang rosak nasab, maruah dan budi pekerti atau lebih dikenali dengan golongan *Hippie*¹¹⁰. Sementara itu amalan zina dan pelacuran berleluasa tanpa batasan. Tidak dinafikan sebilangan wanita yang kurang imannya atau sememangnya rosak akhlak menjadikan pelacuran sebagai sumber pendapatan di samping dapat melepaskan nafsunya. Faktor asasi berlaku demikian ialah kerana kaum wanita tidak berpeluang

¹¹⁰ Mohd. Sanusi bin Haji Mahmood (1980), *Undang-Undang Keluarga Dalam Islam*. Kota Bharu: Syarikat Dian Sdn. Bhd., h. 2-3.

menikmati seks yang menjadi unsur kenikmatan jiwa melalui jalan yang sah dan juga tidak mendapat tempat bergantung sebagai pelindung ekonomi¹¹¹.

Islam sebagai agama yang suci tidak mengingini berlakunya hal sebegini memandangkan ia lebih membawa keburukan daripada kebaikan. Menurut satu sumber di Kementerian Pendidikan dan Sosial Amerika Syarikat mengatakan¹¹²:

"Bahawa pembayar cukai di Amerika dalam tahun 1959 memikul sebanyak dua ratus sepuluh juta dollar untuk membantu anak-anak yang tidak sah. Setiap anak dalam setiap bulannya dua puluh tujuh dollar, dua puluh sembilan sen. Statistik rasmi menyatakan bahawa jumlah anak-anak yang tidak sah ini dalam tahun 1938 berjumlah lapan puluh tujuh ribu sembilan ratus (87900) naik menjadi dua ratus ribu tujuh ratus (200700) pada tahun 1957".

Bayangkanlah apa yang akan terjadi pada tahun-tahun terakhir ini terutama apabila sistem dan teknologi yang semakin canggih dan manusia semakin bebas bergaul serta ghairah dengan arus pemodenan. Anak yang tidak sah ini akan menimbulkan bebanan kepada negara kerana tiada siapa lagi yang ingin bertanggungjawab ke atasnya.

Islam mengizinkan poligami kerana melalui ikatan perkahwinan, anak dan isteri menjadi tanggungjawab suami dan akan dipersoalkan di akhirat nanti. Poligami ini dapat mengelakkan manusia daripada melepaskan nafsunya melalui cara yang keji dan tidak bertanggungjawab. Di samping itu, poligami boleh mengelakkan daripada tersebarnya amalan zina yang mungkin dilakukan secara bersembunyi dan mengurangkan kadar pelacuran kerana masing-masing mendapat hak dan kepuasan melalui sumber yang halal.

¹¹¹Dusuki Haji Ahmad (1978), *op.cit.*, h. 41.

¹¹²Dipetik daripada Ibn Hasyim (1992), *Personaliti Perkahwinan*. Kuala Lumpur: G.G Edar, h. 46.

2. Menjamin kepentingan masyarakat

Negara-negara yang membangun memerlukan tenaga manusia untuk kerja mahupun untuk keperluan pertahanan dan keamanan. Di negara yang menghadapi perperangan, banyak golongan lelaki yang gugur dan ini menambahkan lagi bilangan janda serta anak yatim yang memerlukan perlindungan. Jalan yang baik untuk menjaga janda-janda itu ialah dengan mengahwini mereka. Di samping itu, melalui perkahwinan ini akan dapat melahirkan zuriat dan mengantikan mereka yang gugur di medan perang¹¹³. Proses ini akan mengimbangkan semula tenaga-tenaga yang telah tiada untuk keperluan pembangunan negara pada masa akan datang.

Begini juga dalam keadaan isteri berpenyakit sehingga tidak sanggup melakukan tugas seorang isteri. Suami terpaksa berkahwin lagi tetapi isteri yang sakit tetap di bawah jagaannya dan menguruskan segala keperluannya. Pastinya ini akan menambahkan lagi kasih sayang yang telah sekian lama hidup bersama. Kadangkala bila hubungan suami isteri sudah tidak dapat diselamatkan lagi dan jalan penyelesaiannya adalah bercerai. Hal ini mungkin menimbulkan masalah kepada isteri dan yang pastinya anak-anak menjadi tidak terarah, hilang kasih sayang dan masa depannya akan hancur. Jalan keluar yang terbaik ialah suami berkahwin lagi dan tetap berhubungan dengan isteri pertama (tidak bercerai) demi keselamatan dan pendidikan anak-anak mereka. Lama-kelamaan kemungkinan hubungan yang renggang antara suami isteri ini dapat diatasi.

¹¹³Abdul Aziz (1992), *Kursus Dan Bimbingan Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. 43.

Selain itu, dalam sebahagian masyarakat dunia ini dikatakan jumlah wanita melebihi kaum lelaki yang barangkali diakibatkan oleh perang. Bahkan pertambahan ini mungkin terjadi dalam suasana damai kerana jangka hayat lelaki dikatakan lebih pendek memandangkan mereka banyak terdedah kepada kerja-kerja merbahaya berbanding wanita¹¹⁴. Bagi wanita yang mampu berdikari terutama pada zaman sekarang, kesulitan hidup mungkin tidak dirasai tetapi mereka yang tiada sumber pendapatan dan tiada tempat bergantung, perbezaan jumlah ini mengharuskan adanya poligami untuk melindungi mereka yang tidak berdaya. Demikianlah poligami itu jika diperlakukan mengikut syariat, ia dapat menjamin keperluan masyarakat sepenuhnya.

3. Membuat keturunan dan menjamin keselamatannya

Dalam sesebuah perkahwinan setiap pasangan pastinya mengharapkan agar dikurniakan zuriat sebagai penyambung warisan. Malangnya kadangkala wanita tidak dapat melahirkan anak kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan dan bukannya kehendak sendiri. Kebiasaan kehilangan benih keturunan ini terjadi kepada kaum wanita kerana antara mereka terdapat yang lemah mengandung disebabkan tidak betul perjalanan haid dan lain-lain gangguan kesihatan. Situasi begini pastinya menjadikan rumahtangga tidak berseri dan sentiasa dirundung sedih. Takdir ini mungkin dapat diatasi dengan poligami agar suami mendapat zuriat dari darah dagingnya sendiri. Di samping itu isteri pertama tetap berada di bawah tanggungjawab suami dan mempertahankan hubungan mereka sejak sekian lama.

¹¹⁴Said Abdul Aziz al-Jandul (1994), *Wanita Di Bawah Naungan Islam*. T.T.P.: Thinker's Library Sdn. Bhd., h. 6. , Muhamad al-Mansur (1998), *op.cit.*, h. 119.

Poligami ini juga dilihat dapat menyelamatkan anak-anak yang bakal dilahirkan daripada sebarang bentuk penindasan. Kebanyakan agama yang mengharamkan poligami telah menyebabkan penganiayaan kepada anak yang dilahirkan daripada perhubungan yang tidak sah. Mereka tiada hak disisi undang-undang untuk menuntut nafkah, pusaka dan sebagainya. Poligami yang dibolehkan oleh Islam melalui jalan yang hak itu dapat menyelamatkan masyarakat dan melahirkan generasi yang kuat dan kukuh¹¹⁵. Anak-anak inilah yang bakal memegang tumpuk pemerintahan dan mempertahankan warisan yang bermoral.

Junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. sendiri pun menggesa umatnya membiakkan keturunan dan ini menjadi kebanggaan kepada baginda di akhirat nanti. Pada logiknya, bangsa yang mempunyai keturunan yang ramai ini akan mengukuhkan ekonomi dan sosial serta menguatkan umat untuk mempertahankan Islam¹¹⁶.

Kekurangan lelaki akibat peperangan ataupun seringkali terdedah kepada bahaya dalam pekerjaannya akan menyebabkan bangsa itu pupus dan lemah kerana tiada lagi tunggak kekuatan negara. Kemewahan dan kemajuan hidup terutama di negara-negara maju menyebabkan mereka semakin gemar membatasi jumlah anak. Bencana kekurangan lelaki dan kemerosotan angka bayi ini sedang melanda negara Eropah tetapi masalah ini tidak dapat diatasi selagi masyarakatnya menentang poligami¹¹⁷. Oleh demikian, poligami jika dilihat dari sudut positifnya memainkan peranan penting dalam masalah membiakkan keturunan.

¹¹⁵Mustafa Haji Daud (1992), *op.cit.*, h. 110.

¹¹⁶Dusuki Haji Ahmad (1978), *op.cit.*, h. 40.

¹¹⁷Mustaffa Suhaimi (1992), *op.cit.*, h. 32.

Daripada keterangan-keterangan di atas jelaslah bahawa poligami yang diamalkan dengan cara yang disyariatkan dan memenuhi syarat-syaratnya pasti membawa kesejahteraan dalam kehidupan dan melahirkan generasi yang bersih dan bermoral.

Pengiktirafan Islam terhadap poligami bukanlah satu tindakan yang melulu. Masyarakat yang melarang poligami akan mendorong kepada peningkatan kadar pelacuran dan kelahiran anak secara haram. Berbagai penyakit sosial akan timbul sebagai akibat terlalu lama menentang fitrah dan menyimpang dari jalan Allah.

Tidak dinafikan lagi, peraturan poligami yang digariskan dalam Islam ini menyumbangkan manfaat dan hikmah yang tidak terhingga kepada masyarakat. Ia sebagai jalan penyelesaian terbaik dan membentuk masyarakat berakhhlak mulia, menghindarkan sebarang penyakit sosial dan melahirkan generasi yang bertanggungjawab serta berbudi pekerti mulia. Namun penyelewengan dan penyalahgunaan terhadap kelonggaran peraturan Islam ini adalah penyebab berlakunya ketidakpuashatian dan tentangan yang hebat daripada segolongan masyarakat Islam yang merasakan diri mereka telah tertindas.